

04/02/2002

Singapura perlu bertolak ansur jika ikhlas selesai rundingan

KUALA LUMPUR, Ahad - Singapura perlu bersikap fleksibel serta bertolak ansur jika republik itu benar-benar menunggu Malaysia menjelaskan beberapa perkara utama yang termasuk dalam pakej rundingan isu dua hala yang tertangguh.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia, Abdul Razak Abdullah Baginda, berkata rundingan isu dua hala adalah isu lama tetapi memerlukan keputusan yang adil bagi kedua negara.

Beliau berkata, penafian Singapura menangguk rundingan atau enggan membayar harga berpatutan bagi air yang dibekalkan Malaysia menggambarkan negara itu tidak pernah berpuas hati dalam rundingannya.

"Jika perkara (tidak puas hati) ini gagal diselesaikan, semua isu yang termasuk dalam pakej rundingan juga akan gagal mencapai kata putus.

"Pendirian dan pendekatan yang diamalkan Singapura terlalu tegas dan terikat dengan peraturan menjadikan sukar untuk mencapai kata putus yang menguntungkan kedua-dua pihak.

"Sepatutnya ada konsep kejiranan `memberi dan menerima' tetapi sikap Singapura yang sentiasa tegas dengan pendirian dan enggan mengalah dalam beberapa perkara menyulitkan keadaan," katanya yang berada di London ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar bahawa Singapura menafikan pihaknya menangguk rundingan atau enggan membayar harga berpatutan bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia.

Sebaliknya jurucakap Kementerian Luar Singapura berkata pihaknya terpaksa menunggu Malaysia menjelaskan beberapa perkara utama bagi membolehkan pegawai kedua-dua pihak menyelesaikan perkara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata rundingan mengenai pakej isu-isu dua hala yang tertangguh dengan Singapura menemui kebuntuan kerana kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga baru bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia sejak 1960-an.

Malaysia meminta harga yang berpatutan dan mahu isu itu diselesaikan segera kerana lagi lama ia ditangguhkan, lagi banyak kerugian ditanggung Malaysia.

Singapura kini mengimport 350 juta tan gelen air mentah dari Johor pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen di bawah dua perjanjian yang tamat tempohnya pada 2011 dan 2061.

Singapura melihat, harga baru harus dilihat dalam konteks pakej keseluruhan yang meliputi pembayaran yang akan diterima oleh Malaysia bagi tanah Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) di Singapura.

Malah negara itu menyebut jumlah pembayaran yang diterima Malaysia apabila perkara lain dimasukkan dalam pakej ialah melebihi Rm1.5 bilion.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata, Kerajaan negeri percaya isu perjanjian air antara Malaysia dan Singapura, tidak menjejaskan hubungan diplomatik kedua-dua negara, malah dapat diselesaikan dalam semangat kejiranan dalam tempoh terdekat ini.

"Hubungan kita (dengan Singapura) berjalan seperti biasa. Tiada sebarang perubahan ketara," katanya ketika ditanya sama ada hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Singapura terjejas berikutan isu berkenaan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran Kecemerlangan Akademik dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, dekat sini, hari ini.

Abdul Ghani berkata, kerajaan negeri yakin Malaysia dan Singapura dapat

menyelesaikan isu air itu dengan sebaik mungkin dalam tempoh terdekat ini.

"Singapura perlukan bekalan air dan Malaysia yang mampu membekalkan air tidak bercadang menghentikan bekalan. Tidak pernah kita katakan kita tidak mahu bekal (air) kepada Singapura," katanya.

Atas semangat kejiwaan, beliau berkata, kedua-dua negara mampu menyelesaikan isu itu tanpa sebarang halangan yang boleh menjejaskan rundingan membabitkan perkara lain pada masa akan datang.

(END)